BijakWang Challenge lahir graduan celik kewangan

Oleh HARIAN METRO -Oktober 27, 2026 @ 10:44 Am



SHAH ALAM – Lebih 3,000 mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) dari seluruh negara menyertai National BijakWang Challenge 2026 anjuran mySalam dengan sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi meningkatkan tahap celik kewangan generasi muda. Pertandingan berasaskan pendekatan gamifikasi serta aktiviti interaktif itu bertujuan melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Ketua Skim mySalam, Syuhabib Ithnin berkata, inisiatif berkenaan diambil memandangkan pendidikan berkaitan perancangan kewangan masih belum diajar secara meluas di IPT meskipun cabaran kewangan semasa semakin kompleks. Menerusi jelajah saringan di lima zon utama, wakil terbaik universiti dipilih sebelum berentap pada pentas akhir yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM30,000.

Pada peringkat akhir pertandingan yang berlangsung bersempena Karnival Celik Kewangan, penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM), Rizarina Kaman dinobatkan sebagai juara sekali gus membawa pulang wang tunai RM5,000. Hadiah disampaikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health